

# Forum Kepimpinan Asia

Rabu ini  
UM 25 JUN 2001

KUALA LUMPUR 24 Jun —  
Sebuah Forum Tahunan **Kepimpinan Asia Ke-10** yang akan berlangsung selama dua hari mulai Rabu ini, akan menghimpunkan lebih 300 **penggubal** dasar dan **pemimpin perniagaan** di seluruh rantau ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Strategies Sdn. Bhd., Saam Moon, **apa** yang penting **bagi** seorang pemimpin ialah menilai iklim politik, **ekonomi** sosial dan **teknologi**.

Di antara mereka yang dijangka **menyampaikan** ucapan **pada** forum itu ialah bekas **Perdana Menteri** Britain John Major, bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos dan Menteri Kanan **Ekonomi**, Kewangan dan Industri Indonesia, Dr. **Rizal Ramli**.

Sidang pleno bersama **antaranya** akan dihadiri **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden Filipina, Gloria **Macapagal Arroyo**, Menteri Hal Ehwal **Parlimen** dan **Teknologi Maklumat** India, Pramod Mahajan dan Pemangku **Menteri Alam Sekitar** dan **Menteri Dalam Negeri**, **Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat** Singapura, Lim Swee Say.